



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH
SEMPENA
MAJLIS TILAWAH AL-QURAN ANTARABANGSA DALAM TALIAN
DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM (DMDI)
KALI KE-12 TAHUN 1443H/ 2022M
ANJURAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM) DAN
DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM (DMDI)
TARIKH: 13 APRIL 2022M (RABU) JAM: 5.25 PETANG
DI AUDITORIUM AL-AZIM NEGERI MELAKA
(WAKIL: YBHG. DATUK WIRA HJ. MD RAWI MAHMUD)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG DIKASIHI;

**TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI
BIN MOHD RUSTAM, YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA;**

YANG AMAT BERBAHAGIA;

TOH PUAN DATUK WIRA (DR.) HAJAH ASMAH BINTI ABD RAHMAN;

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah sempena Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa dalam talian Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Kali Ke-12 Tahun 1443H/2022M anjuran Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI).
2. Sesungguhnya, kehadiran Tuan Yang Terutama Tun pada petang ini, memberi perangsang, semangat dan keyakinan kepada kami semua untuk terus

menyuburkan syiar Islam di bumi Melaka. Nasihat, panduan dan kebijaksanaan Tun dalam merealisasikan harapan kerajaan dan rakyat menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri maju dari aspek fizikal mahupun kerohanian pada hari ini.

***Pergi ke hulu menjala ikan,
Belayar sampai ke tanjung jati,
Kehadiran Tun amat kami alukan,
Tanda semangat pemangkin motivasi.***

3. Tuan Yang Terutama Tun, izinkan saya untuk meneruskan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin pada majlis yang berbahagia ini.

YB Datuk Wira Hj. Ibrahim bin Durum,
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

YB Ahli-ahli Dewan Negara;

YB Ahli-ahli Dewan Rakyat;

YBhg. Dato' Che Sukri bin Che Mat,
Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa
Dalam Talian Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Kali Ke-12
Tahun 1443H/2022M;

YBrs. Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim,
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka,

Ashabul Fadhilah Barisan Jemaah Hakim,

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,

Para Media, Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan, Puan-puan, Muslimin dan Muslimat yang dihormati sekalian;

PENDAHULUAN

4. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Rasulullah SAW, para isteri Baginda, ahli keluarga Baginda, para sahabat serta mereka yang berjuang demi Agama Allah SWT.

5. Marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, dapat kita berhimpun di Auditorium Al-Azim pada petang ini untuk kita meraikan dan menghidupkan sunnah Nabi SAW iaitu menghidup dan mencintai Al-Quran. Semoga penganjuran majlis pada petang ini dinilai sebagai amalan baik dan diberkati Allah SWT.

6. Di kesempatan ini, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada penganjur di atas kesudian menjemput beliau

menghadiri majlis ini. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

7. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada pihak penganjur kerana berjaya mengadakan majlis pada petang ini dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

8. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa komited dalam usaha membangunkan syiar Islam di Negeri Melaka. Program dan aktiviti berbentuk pembangunan rohani perlu diperkasakan dan diluaskan kepada segenap lapisan masyarakat. Usaha murni ini bukan sekadar terletak di bahu agensi Agama Islam Negeri Melaka semata-mata, sebaliknya semua pihak harus berganding bahu dalam usaha memastikan syiar Islam akan terus berkembang di Negeri Melaka.

9. Sebagaimana kita sedia maklum, penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran dilaksanakan saban tahun di peringkat negeri dan antarabangsa sebagai medan untuk meninggikan syiar Islam melalui pembudayaan Al-Quran. Saya difahamkan seramai **52** orang peserta qari dan qariah menyertai program ini dan setelah tapisan dilakukan, hanya **33** orang peserta yang layak sehingga ke peringkat ini.

10. Program pembudayaan dan penghayatan Al-Quran wajar dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan dalam usaha kita menghayati dan memahami ilmu dan pengajaran

daripada kitab suci Al-Quran. Al-Quran yang menjadi petunjuk kepada umat manusia ini bertepatan dengan Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Kitab al-quran ini, tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa.” (Surah Al-Baqarah : Ayat 2)

11. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab dan keutamaan kita secara bersama agar majlis-majlis sebegini dihidupkan dan dimeriahkan dengan kehadiran segenap lapisan masyarakat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Akhir kata, sekali lagi, terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Melaka pada tahun ini serta semua pihak yang terlibat

sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan majlis ini.

13. Kepada semua peserta dan pemenang, tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang telah berjaya menyertai majlis tilawah ini. Kepada para pemenang yang akan mewakili Melaka dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan nanti, teruskan perjuangan dan jangan mudah putus asa. Ingatlah bahawa bersama-sama kesusahan itu ada kesenangan yang menanti. Saya doakan agar semua

peserta akan memberikan persembahan yang terbaik semasa pertandingan kelak.

Tuan Yang Terutama Tun, demikianlah ucapan saya kepada para hadirin sekalian;

14. Saya dan seluruh ahli keluarga, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka serta seluruh rakyat, mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta ahli keluarga diberikan kesihatan yang baik, dipanjangkan usia, dimurahkan

rezeki serta sentiasa di bawah perlindungan, rahmat dan kasih sayang Allah SWT, insya-Allah.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ